



BANTU  
KAMI  
KENAL PASTI  
**TIPUAN BIDA**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

# BANTU KAMI KENAL PASTI **TIPUAN BIDA**

## Pendahuluan

Ditubuhkan pada Jun 2011, Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau lebih dikenali sebagai MyCC merupakan satu badan bebas yang bertanggungjawab menguatkuaskan Akta Persaingan 2010 (Akta ini). Akta ini telah dilaksanakan bagi menggalakkan persaingan yang sihat agar pengguna mendapat manfaat melalui produk yang lebih berkualiti pada harga yang munasabah. Ia mencakupi semua perusahaan.

Akta ini melarang dengan jelas amalan anti-persaingan seperti penetapan harga, perkongsian pasaran, pembatasan atau pengawalan pengeluaran dan tipuan bida. Tipuan bida bukan sahaja memanipulasi proses perolehan tetapi ia juga sering mendatangkan kerugian kepada mana-mana agensi yang menjalankan bidaan dan akhirnya mendatangkan kerugian kepada orang awam yang terpaksa menanggung kos sebagai pembayar cukai atau pengguna.

Isu ini merupakan tumpuan yang penting bagi MyCC kerana setiap tahun kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun memperoleh barang dan perkhidmatan melalui tender awam yang bernilai sekitar RM150 bilion (ia bersamaan dengan satu perempat KDNK nominal negara ini). Tambahan pula, kes tipuan bida merangkumi 25% kes-kes undang-undang persaingan di negara-negara yang mempunyai undang-undang persaingan.

Akta ini menyatakan secara jelas iaitu di bawah Seksyen 4(2)(d) bahawa amalan tipuan bida adalah dilarang sama sekali di Malaysia. Jika MyCC mendapati wujudnya perjanjian tipuan bida antara pembida-pembida, pihak yang bersalah adalah pembida-pembida tersebut, bukannya pihak jabatan kerajaan yang menjalankan perolehan. Namun jabatan kerajaan tersebut boleh memainkan peranan yang penting bagi membantu MyCC mengenal pasti aktiviti-aktiviti tersebut. Mana-mana pihak yang didapati bersalah melakukan tipuan bida berpotensi dikenakan denda yang boleh menjangkau 10% daripada nilai perolehannya di seluruh dunia pihak tersebut.

Penerbitan ini dihasilkan berdasarkan latar belakang ini, bukan sahaja bagi membantu pegawai perolehan awam untuk mengenal pasti dan menghapuskan amalan tipuan bida tetapi juga membantu MyCC membuat penyiasatan terhadap tingkah laku tersebut.

Isi kandungan buku panduan ini adalah berdasarkan pengalaman negara-negara yang lebih matang dalam melaksanakan undang-undang persaingan manakala beberapa contoh yang diberikan telah dibincangkan dalam bengkel yang dianjurkan secara bersama dengan OECD baru-baru ini.

# Apakah yang dimaksudkan dengan Tipuan Bida?

Tipuan bida ialah sejenis penetapan harga dan pembahagian pasaran. Ia berlaku apabila dua atau lebih pembida di dalam sesuatu tender berpakat bagi mengganggu keadaan normal sesuatu persaingan. Pembida tersebut bersetuju sesama mereka untuk menentukan siapakah yang akan memenangi sesuatu tender dan pada harga berapa tender tersebut ditetapkan. Para pembida sepatutnya menyerahkan tender yang terbaik tetapi sebaliknya mereka bersepakat menetapkan tender tersebut.

Tipuan bida boleh dilakukan dengan beberapa cara termasuk:

## Bidaan yang menindas (*Bid Suppression*)

Ini berlaku apabila semua pihak yang berpakat tidak membida dan ia memberarkan satu pihak yang telah ditentukan terlebih dahulu memenangi sesuatu tender.

## Bidaan secara giliran (*Bid Rotation*)

Ini berlaku apabila pembida mengambil giliran bagi menyerahkan sesuatu harga tender yang paling kompetitif, atau harga yang paling rendah (dan akhirnya memenangi kontrak tersebut). Mereka akan memenangi bida secara bergilir.

## Kes Paip Pra-Ditebat atau Peralatan Suis Ditebat Gas Eropah

Ini merupakan satu kes penting yang diputuskan oleh European Commission dan ia melibatkan satu kartel seluruh Eropah yang kompleks di mana pihak yang berkartel terlibat dalam penggiliran bida dan pembidaan palsu. Para pelaku membahagikan pasaran yang relevan berdasarkan satu sistem kuota dan mereka berjanji secara bersama untuk tidak campur tangan dalam kawasan orang lain yang masing-masingnya telah siap diagih-agihkan.

Dalam kartel tersebut, pasaran awam dan persendirian dibezakan di peringkat nasional di mana tender awam diperuntukkan kepada sesebuah syarikat tempatan yang dipilih. Apabila terdapat lebih daripada satu syarikat pembida yang aktif dalam pasaran nasional, harga yang akan disebut oleh syarikat yang dipilih itu dalam prosedur tender telah ditentukan sesama pelaku kartel. Sementara itu pengusaha-pengusaha lain ditugaskan untuk menyerahkan harga yang lebih tinggi bagi melindungi syarikat yang dipilih itu.

## Penarikan balik bida (*Bid Withdrawal*)

Ini berlaku apabila pembida-pembida yang bersekongkol menarik balik bida mereka secara sengaja pada penghujung tempoh bida, meninggalkan pembida terpilih untuk memenangi bida tersebut.

## Harga terselindung (*Cover pricing*)

Ini berlaku apabila pembida-pembida bersekongkol bagi menyerahkan secara sengaja harga bida yang lebih tinggi daripada harga yang diserahkan oleh pembida yang telah ditetapkan untuk mendapatkan tender tersebut. Petenderan secara bersekongkol ini juga dikenali sebagai ‘pembidaan balas budi’ atau ‘pembidaan pelengkap’.

## Kes ‘PestBusters’ Singapura

Competition Commission of Singapore mengeluarkan keputusan pertamanya berkenaan pelanggaran Akta Persaingan terhadap 6 syarikat kawalan makhluk perosak kerana menjalankan tipuan bida dalam penyediaan perkhidmatan mengawal dan merawat kerosakan anai-anai.

Syarikat-syarikat kawalan makhluk perosak yang telah menyediakan perkhidmatan kawalan makhluk perosak kepada pelanggan meminta agar syarikat-syarikat lain menyerahkan bida pada harga-harga tertentu bagi memastikan mereka tidak menang.

Syarikat-syarikat lain tersebut telah memilih untuk bersetuju dengan permintaan tersebut atau menyerahkan bida yang lebih tinggi.

Penalti sebanyak S\$260,000 dikenakan terhadap syarikat-syarikat tersebut.

## Kes Pembinaan di UK

Pada tahun 2009, UK Office of Fair Trading mengenakan denda ke atas 103 syarikat pembinaan kerana terlibat dalam penipuan bida yang berlaku dalam tempoh 6 tahun.

Kes ini melibatkan ‘penawaran harga palsu’, iaitu satu proses di mana seorang pembida yang tidak berminat membida sesuatu kontrak, mendapatkan ‘harga palsu’ daripada pesaingnya yang mana lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh pesaing tersebut. Ini membolehkan pesaing tersebut memenangi kontrak. Dalam sesetengah kes, bayaran gantian akan diberikan kepada pembida yang ‘kalah’ itu.

UK Office of Fair Trading juga telah mendapat bahawa harga palsu dan bayaran gantian tersebut melanggar Bahagian 1 Akta Persaingan UK. Denda yang keseluruhannya berjumlah GBP129.2 juta telah dikenakan.

## Bida tidak mematuhi (*Non-conforming bids*)

Ini berlaku apabila pembida yang bersekongkol secara sengaja menyerahkan bida yang tidak mengikut terma dan syarat yang ditentukan di dalam tender. Ini dilakukan oleh semua orang kecuali pembida yang dikehendaki untuk memenangi tender tersebut.

Hampir kesemua bentuk tipuan bida mempunyai satu ciri yang sama: satu perjanjian antara sebahagian atau semua pembida yang menentukan terlebih dahulu pembida yang akan menang dan membataskan atau menghapuskan persaingan antara pembida-pembida yang bersekongkol.

## Cara Mengenal Pasti Tipuan Bida

Tipuan bida adalah sukar untuk dikenal pasti terutama bagi seseorang yang tidak terlatih kerana tindakan tipuan bida ini selalu dilakukan secara rahsia dan hanya melibatkan peserta-peserta yang mengetahui tentang skim penipuan bida tersebut.

Walaubagaimanapun, apabila syarikat-syarikat mengelak daripada peraturan persaingan yang terpakai dalam proses perolehan tender, mereka selalunya akan meninggalkan beberapa tanda.

Sebarang keganjilan tentang sesuatu tender yang anda terima mesti diperhatikan dengan teliti dan serius. Keganjilan-keganjilan ini mungkin menunjukkan bahawa syarikat sedang bersekongkol dalam tipuan bida.

Beberapa tanda biasa mungkin akan timbul apabila terdapatnya persekongkolan atau pakatan. Membiasakan diri dengan tanda-tanda ini boleh membantu pegawai perolehan mengenal pasti aktiviti yang berpotensi menjadi penipuan bida yang mesti dilaporkan kepada MyCC.

Sebahagian daripada tanda-tanda amaran tersebut disenaraikan di sini. Tanda-tanda tersebut adalah antara yang dijumpai pada dokumen, penentuan harga, penyata, surat menyurat dan tingkah laku. Pada masa akan datang, anda juga boleh meningkatkan kemahiran mengenal pasti tanda-tanda tipuan bida.

## Kenyataan atau Tingkah Laku yang Mencurigakan

Walaupun pembida yang bersekongkol cuba merahsiakan rancangan-rancangan mereka, kecuaian mereka boleh menyedarkan anda tentang pakatan yang mungkin berlaku. Disamping itu, tindak-tanduk atau kenyataan tertentu yang dibuat oleh pembida atau pekerjaanya mungkin menunjukkan kebarangkalian wujudnya pakatan. Berwaspadalah dengan situasi-situasi berikut:

- Kertas cadangan atau borang bida yang diserahkan oleh pembekal yang berlainan mempunyai sesuatu yang tidak kena (seperti kiraan dan kesilapan ejaan yang sama) atau tulisan tangan, rupa taip atau kertas surat berkepala yang sama. Ini menunjukkan seorang pembida khusus telah menyediakan sebahagian atau keseluruhan bida-bida tersebut.
- Dokumen-dokumen bida atau harga mengandungi cecair pembetulan atau pengubahan fizikal yang lain yang menunjukkan terdapatnya perubahan harga di saat akhir.
- Sesebuah syarikat memohon satu pakej bida untuk dirinya dan pesaingnya atau menyerahkan bidanya dan bida pesaingnya serentak.
- Sesebuah syarikat menyerahkan bida apabila ia tidak mampu melaksanakan kontrak tersebut dengan jayanya.
- Sesebuah syarikat membawa beberapa bida ke pembukaan sesuatu bida dan menyerahkan bidanya hanya setelah ia menentukan (atau melakukan cubaan untuk menentukan) siapakah lagi yang membida; dan
- Seseorang pembida atau orang jualan membuat:
  - Sebarang rujukan kepada jadual harga keseluruhan industri atau persatuan.
  - Sebarang kenyataan yang menunjukkan wujudnya pengetahuan (bukan umum) yang mendalam mengenai penentuan harga oleh para pesaing.
  - Kenyataan yang memberi maksud bahawa seseorang pelanggan atau kontrak 'dimiliki' oleh pembekal yang tertentu.
  - Kenyataan bahawa sesuatu bida itu adalah satu 'balas budi', 'hadiyah', 'cenderahati', atau bida 'palsu'.
  - Sebarang kenyataan yang menunjukkan pembida telah berbincang mengenai harga sesama mereka atau mencapai persefahaman berkenaan dengan harga

## Kes Hotel-hotel Kanada

Kes ini melibatkan tender bilik hotel yang digunakan oleh kakitangan kerajaan Kanada yang berkunjung ke Ottawa dan untuk tetamu-tetamu kerajaan Kanada.

Pegawai-pegawai dari 6 hotel terbesar bertemu di sebuah hotel untuk mengisi dokumen tender bersama. Kesemua mereka menyerahkan harga yang sama bagi jenis bilik yang berlainan. Mereka meletakkan bida mereka di dalam sampul surat masing-masing tetapi kemudiannya meletakkan kesemua sampul surat ke dalam pek kurier yang sama untuk diserahkan kepada agensi perolehan kerajaan.

Pegawai yang menerima pek tersebut berasa curiga dan memberitahu ketuanya yang kemudiannya bercakap dengan orang yang menyerahkan kurier tersebut. Biro Persaingan Kanada menggunakan maklumat ini untuk mendapatkan waran tangkap. Kesemua hotel tersebut kemudiannya mengaku salah terhadap dakwaan tipuan bida.

## Pola Bidaan atau Harga

Pola-pola tertentu dalam pembidaan dan penentuan harga tampak bercanggah dengan pasaran yang kompetitif dan ini menunjukkan kemungkinan pakatan berlaku:

- Syarikat yang sama selalunya menang sesuatu tender perolehan. Lebih mencurigakan apabila lebih daripada satu syarikat menyerahkan bida yang gagal secara berterusan;
- Orang yang sama menyerahkan bida dan setiap syarikat bergilir memenangi sesuatu bida itu;
- Sesetengah bida adalah lebih tinggi daripada senarai harga yang diterbitkan, bida-bida sebelumnya yang diserahkan oleh firma yang sama, atau anggaran kos;
- Jumlah pesaing yang membida kurang daripada normal;
- Sesebuah syarikat tampak seperti membuat bidaan yang ketara lebih tinggi bagi sesuatu bida berbanding bida-bida yang lain, tanpa perbezaan kos yang jelas bagi membenarkan perbezaan tersebut;
- Harga bidaan turun apabila pembida baru ataupun pembida yang jarang membida menyerahkan sesuatu bida;
- Seseorang pembida yang berjaya memberikan subkontrak kerja kepada pesaing yang menyerahkan bida bagi projek yang sama tetapi ditolak;
- Sesebuah syarikat menarik diri walaupun bidanya berjaya dan seterusnya ia menerima subkontrak kerja daripada kontraktor yang menang.

Jika ada di antara senario tersebut yang anda biasa dengar atau jika anda merupakan seorang pegawai perolehan dan anda pernah terjumpa mana-mana tanda tersebut, sila ambil langkah-langkah berikut:

- Jangan berbincang sebarang perkara tersebut dengan pihak yang mungkin menjadi pembida;
- Simpan semua dokumen termasuk surat menyurat dan termasuk juga sampul surat di tempat yang selamat;
- Ingat dan catat sebarang tingkah laku yang mencurigakan ketika proses tender berjalan;
- Bincang secara tertutup dengan ketua anda tentang tindakan seterusnya; dan
- Hubungi MyCC bagi mendapatkan bantuan.

## Bagaimana Mengurangkan Risiko Tipuan Bida

Terdapat pelbagai cara untuk agensi perolehan mengurangkan risiko tipuan bida. Di sini terdapat beberapa cadangan untuk menggalakkan persaingan kompetitif dalam perolehan awam.

- Tahu dengan jelas produk atau perkhidmatan yang dikehendaki sebelum tender dibuka kepada pembida.
- Kumpul seberapa banyak maklumat yang mungkin, berkenaan pembida berpotensi, produk mereka, dan harga serta kos mereka. Maklumat berkenaan tender terdahulu untuk produk yang sama atau serupa juga perlu dicatat.
- Rangka proses tender dengan memanggil pembida berpotensi dan boleh dipercayai pada jumlah yang cukup. Jangan mengenakan kekangan yang tidak sepatutnya kerana ini boleh mengurangkan jumlah pembida yang berkelayakan.
- Memungkinkan sesebuah syarikat untuk menyerahkan tender bagi lot yang berasingan kontrak. Elakkan daripada membahagikan lot pada jumlah yang sama dengan jumlah syarikat yang dijangka membida dalam sesuatu prosedur tender atau menjadikan lot-lot tersebut mempunyai nilai yang sama.
- Sekiranya perlu untuk berjumpa dengan syarikat-syarikat, berjumpalah secara individu. Elakkan daripada berjumpa dengan syarikat-syarikat tersebut sebelum tempoh akhir penyerahan tender tamat.

- Bandingkan tender daripada prosedur tender terdahulu dengan tender terkini dan dengan tender yang dilakukan di kawasan geografi yang terdekat. Cari pola yang menunjukkan wujudnya kartel tipuan bida.
- Pelbagaiakan syarat prosedur tender apabila sesuatu kontrak itu tamat; contohnya dengan menukar skop geografi dan terma-terma kontrak. Ini akan menyukarkan syarikat membuat perancangan bagi membahagikan pasaran dengan mengambil giliran untuk memenangi sesuatu kontrak.
- Perbincangkan dengan pihak berkuasa berkontrak lain yang membeli barang dan perkhidmatan yang sama mesti dibuat dari masa ke masa agar ia dapat membantu membuat perbandingan dan penilaian.
- Pertimbangkan untuk menyatakan secara jelas di dalam dokumen kontrak bahawa tipuan bida adalah satu larangan di bawah Akta ini dan sebarang tipuan bida yang disyakki akan dilaporkan kepada MyCC.

## Beri Kami Maklumat

Kami menggalakkan anda menghubungi kami di MyCC jika anda mempunyai sebarang soalan atau mengesyaki perkara yang tidak kena dalam sesuatu prosedur tender. Anda mempunyai hak untuk nama anda tidak ketahui jika anda memberikan maklumat kepada kami.

Sila hubungi MyCC di +603 2273 2277, atau emel kami di [complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my). Pemanggil tanpa nama juga boleh menggunakan saluran yang sama.

Untuk maklumat lanjut layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
Tingkat 15, Menara SSM@Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur

Tel : +603-2273 2277 | Faks : +603-2272 1692 | Emel : [enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my) | Laman Web : [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



[www.facebook.com/theMyCC](https://www.facebook.com/theMyCC)



[www.youtube.com/MyCompetitionNews](https://www.youtube.com/MyCompetitionNews)

Tarikh Penerbitan : September 2014

Teks penerbitan ini boleh dipetik atau dicetak semula dengan pengiktirafan yang sesuai.